

03 AUG 2001

Mahathir-Pentadbiran

PENTADBIRAN YANG CEKAP SELAMATKAN NEGARA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara terselamat daripada terus dibelenggu oleh masalah kegawatan ekonomi kerana adanya pentadbiran serta anggota perkhidmatan awam yang cekap dan berpegang teguh kepada janji semasa mereka mula berkhidmat dengan perkhidmatan kerajaan.

Perdana Menteri berkata sehingga kini Malaysia terselamat kalau dibandingkan dengan beberapa negara jiran yang masih lagi tidak dapat mengatasi masalah yang disebabkan oleh kegawatan ekonomi dan kini timbul pula masalah baru yang berpunca daripada kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat.

"Kita menyelamatkan diri kita kerana kita mempunyai sistem pentadbiran dan anggota pentadbiran yang cekap dan yang berpegang kepada janji-janji mereka semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan.

"Jika tidak kerana kecekapan dan dedikasi ini, saya khuatir kita juga akan menghadapi masalah seperti di negara-negara lain," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2000 Kementerian Kewangan di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata di sesetengah negara lain gaji dan upah yang dibayar amat rendah dan oleh kerana itu berlaku perbuatan curang seperti rasuah.

Beliau berkata keadaan ini berterusan sehingga rasuah dianggap sebagai satu perkara biasa untuk berurusan dengan kerajaan.

Katanya mungkin ini disebabkan gaji yang rendah dan mereka perlu menambah pendapatan mereka dengan mendapat sedikit sumbangan daripada pelanggan kerajaan.

"Tetapi saya diberitahu apabila gaji dinaikkan tiga kali ganda, maka pihak pegawai pula meminta supaya diberi wang yang tiga kali ganda lebih besar kerana dia sudah mempunyai gaji yang bertambah.

"Yang jelas menolak rasuah bukan bergantung kepada gaji tetapi ia bergantung kepada budaya serta pegangan kita kepada nilai-nilai yang mulia," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun tidak dapat dinafikan bahawa rasuah berlaku di Malaysia tetapi, menurut beliau, ia tidak berleluasa sehingga menjadi sesuatu yang diterima sebagai perkara biasa oleh masyarakat.

Perdana Menteri berkata; "Rasuah ada dua tahap... pertama rasuah hanya berada di bawah meja, bermakna ia tidak diterima sebagai satu amalan masyarakat.

"Justeru sesiapa yang terlibat menyembunyikan amalan ini... mereka hanya menerima di bawah meja...

"Lama kelamaan apabila ini sudah menjadi sesuatu amalan yang diterima masyarakat rasuah akan naik ke atas meja... bermakna tidak ada sembunyi lagi.

"Maka segala sogokan diberi adalah perkara biasa... bahkan diadakan kadar tertentu bagi kerja tertentu,"

Dr Mahathir berkata di Malaysia walaupun berlaku rasuah ia hanya di bawah meja dan "kita harap ia bukan sahaja akan tinggal di bawah meja bahkan akan merosot sama sekali."

"Dengan itu kita akan mendapat khidmat yang lebih bersih daripada sekarang kerana hanya dengan khidmat yang bersih baru kita dapat mentadbir dengan baik dan dapat balasan daripada kemajuan negara," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata apabila negara maju, pendapatan kerajaan meningkat dan

sebahagian daripada pendapatan itu akan digunakan untuk membayar gaji serta elaun dan sebagainya.

Perdana Menteri menegur sesetengah pihak yang berpendapat bahawa kerajaan perlu menaikkan gaji kakitangan awam walaupun kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup untuk berbuat demikian.

Kerajaan perlu mengurus perbelanjaan dengan baik kerana jika tidak negara akan mengalami defisit yang tinggi dan nilai mata wang negara akan jatuh sungguhpun ia kini dikawal oleh kerajaan, katanya.

Justeru Dr Mahathir meminta semua kakitangan awam memahami hakikat itu dan terus berusaha memberi perkhidmatan yang cekap agar mereka akan mendapat balasan yang setimpal daripada usaha yang dilakukan oleh mereka.

Pada majlis itu Dr Mahathir menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kepada 75 pegawai serta kakitangan Kementerian Kewangan terdiri daripada 30 orang yang menerima pergerakan gaji melintang dan 45 lagi pergerakan gaji menegak.

-- BERNAMA
AKT AZZ NMO